

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian jumlah keuntungan dan kerugian Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sejak 10 tahun lalu dan faktor yang menyumbang kepada kerugian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian jumlah keuntungan dan kerugian Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sejak 10 tahun dulu adalah seperti di jadual di bawah :

Tahun	Jumlah Keuntungan & Kerugian (RM juta)
2014	(- 57.1)
2015	(-245.1)
2016	8.9
2017	4.5
2018	19.5
2019	(-149.5)
2020	(-174.7)
2021	(-139.9)
2022	(-20.2)
2023	89.6

- Antara faktor utama yang menyumbang kepada kerugian KTMB adalah seperti berikut :

- KTMB perlu menanggung kos operasi sebanyak RM689 juta setiap tahun; dan

NO. SOALAN: 590

- b) Kekurangan *rolling stocks* menghadkan KTMB untuk meningkatkan kekerapan perkhidmatan tren dan mengoptimakan kapasiti landasan di sepanjang jajaran kereta api KTMB. Pada masa yang sama, beberapa projek naik taraf landasan seperti di Lembah Klang juga telah menghadkan KTMB untuk meningkatkan kekerapan tren bagi menjana tambahan pendapatan sepanjang tempoh kerja-kerja naik taraf dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.